

Headline	Kaunter indeks tarik belian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	192 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,062		



Kaunter indeks tarik belian

» Aktiviti perelok akaun hujung tahun pengaruhi pergerakan

FBM KLCI

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup rendah sedikit daripada paras paling tinggi pernah dicatatkan iaitu 1,851.94 mata pada pukul 3 petang, dirangsang oleh aktiviti memperelok akaun oleh pengurus dana, kata seorang peniaga.

FBM KLCI ditutup pada 1,850.9, naik 13.02 mata atau 0.7 peratus daripada 1,837.88 mata kelmarin di tengah-tengah persekitaran global yang tidak menentu.

Indeks petunjuk pasaran itu yang dibuka rendah pagi ini, turun naik antara 1,837.22 mata dan 1,851.94 mata sepanjang hari dagangan.

Rali pasaran melonjakkan indeks mencecah paras tertinggi beberapa kali semalam mengatasi rekod sebelum ini iaitu 1,846.92 mata yang dicatatkan pada 10 Dis.

Axiata Group, Petronas Gas dan Petronas Chemicals menyumbang 4.299 mata kepada kenaikan indeks hari ini.

Pencarta Serantau Maybank Investment Bank Lee Cheng Hooi berkata kaunter berkaitan

indeks memperoleh minat belian menjelang Tahun Baru.

“Aktiviti memperelok akaun dalam jumlah yang rendah membantu merangsang minat, dengan banyak kaunter mencatatkan kenaikan. Saham permodalan besar menerajui pergerakan,” katanya kepada BERNAMA.

Lee berkata aliran meningkat di pasaran serantau dan prestasi positif semalaman di Wall Street juga memberi kesan kepada Bursa Malaysia.

Di papan skor, Indeks Kewangan meningkat 79.98 mata kepada 16,870, Indeks Perusahaan naik 31.72 mata kepada 3,119.47 dan Indeks Perladangan menokok 45.88 mata kepada 9,035.4.

Indeks FBM Emas meningkat 81.2 mata kepada 12,758.73, Indeks FBMT100 naik 82.24 mata kepada 12,492.88, FBM 70 melonjak 69.53 mata kepada 14,118.52 dan FBM Ace menokok 23.51 mata kepada 5,666.24.

Kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 388 berbanding 362, dengan 335 kaunter tidak beru-

bah, 483 tidak diniagakan dan 30 yang lain digantung.

Jumlah dagangan susut kepada 1.081 bilion saham, bernilai RM1.545 bilion, daripada 1.148 bilion saham

bernilai RM1.49 bilion kelmarin.

Dalam kalangan kaunter cergas, Daya Materials naik 2.5 sen kepada 40 sen, Xideland Holdings meningkat setengah sen kepada 38 sen manakala Tiger Synergy susut setengah sen kepada 22.5 sen.

Dalam kalangan kaunter wajaran tinggi, Axiata Group naik 12 sen kepada RM6.87, Maybank meningkat empat sen kepada RM10.02, TNB menambah dua sen kepada RM11.02, CIMB menokok tiga sen kepada RM7.72 tetapi Sime Darby turun satu sen kepada RM9.56.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama berkurangan kepada 837.447 juta unit bernilai RM1.473 bilion, daripada 877.111 juta unit bernilai RM1.409 bilion yang dicatatkan pada Isnin.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE jatuh kepada 201.64 juta saham, bernilai RM59.834 juta, daripada 230.415 juta saham bernilai RM66.455 juta.

BERNAMA